

04 APR 1997

ANWAR ULANGI SOKONGAN M'SIA TERHADAP PEMBANGUNAN MINDANAO

ZAMBOANGA CITY, 4 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menegaskan semula komitmen Malaysia untuk menyumbang kepada kemajuan wilayah autonomi Islam Mindanao.

Bercakap pada majlis jamuan yang diadakan oleh gabenor Mindanao, Nur Misuari dan tokoh-tokoh tempatan lain di sini, beliau berkata Malaysia berpegang kepada semangat "makmurkan jiran anda" yang sering ditegaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anwar berkata Dr Mahathir percaya bahawa jika Malaysia hendak maju ia juga perlu mempunyai jiran yang makmur dan maju.

Masyarakat yang dipinggirkan atau dieksploitasikan tidak akan dapat menikmati kestabilan dan keyakinan dan kita tidak boleh mengharap mereka untuk mempunyai cita-cita yang sama seperti orang lain yang tidak dipinggirkan, katanya.

Anwar, yang disertai oleh sebilangan ahli perniagaan Malaysia, berkata beliau tertarik dengan kerancangan pembangunan yang berlaku di Mindanao.

Katanya lebih banyak lagi perlu dibuat dan mereka yang terlibat dalam pembangunan harus mempertingkatkan usaha untuk mengejar masa yang kerugian semasa menghadapi keadaan tidak aman selama dua dekad yang berakhir lewat tahun lepas.

Anwar turut menasihati ahli perniagaan Malaysia supaya jangan gusar dengan satu atau dua kejadian kurang menyenangkan ketika mengurus niaga dan sebaliknya harus melihat kepada gambaran keseluruhan di Mindanao.

"Memang ada satu atau dua masalah di sana sini, jika tidak dunia tidak akan menjadi menarik. Sebab itulah wujudnya ahli politik, untuk memberikan lebih banyak keseronokan, selagi keseronokan itu tidak menimbulkan terlalu banyak halangan atau kesukaran. Ia mewarnakan lagi suasana," kata beliau berseloroh.

Anwar juga menyeru ahli-ahli perniagaan supaya bersikap mengambil berat dan memberi perhatian kepada aspek kebajikan pekerja dan keluarga mereka.

Beliau juga berharap pihak berkuasa Filipina akan memberi sokongan dan galakan kerana sejauh mana komitmen ahli-ahli perniagaan Malaysia bergantung kepada jumlah dividen keamanan yang diberikan. -- BERNAMA

SHY SIA